

TARIKH: 17/9/23
SURAT KHABAR: Berita Harian
MUKA SURAT:

17 September 2023 BH AHAD

Kerjasama lahir tenaga mahir berteknologi tinggi

Kuching: Majlis TVET (Teknikal dan Latihan Vokasional) Kebangsaan menjalin kerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS) bagi meningkatkan keupayaan melahirkan tenaga mahir dalam bidang berteknologi tinggi serta tenaga diperbaharui.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerjasama itu akan berterusan dalam jangka panjang antara 10 hingga 20 tahun dengan sejumlah RM30 juta diperuntukkan Majlis TVET Kebangsaan kepada CENTEXS bagi melaksanakan pelbagai kursus dalam program baharu.

Beliau berkata, langkah itu selaras dengan usaha bagi memacu pelaburan langsung asing (FDI) yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memberi tumpuan kepada industri berteknologi tinggi.

“Peruntukan yang saya umumkan itu adalah sebahagian kerjasama itu bagi membolehkan CENTEXS membangunkan mak-

mal serta kemudahan lain untuk pembelajaran bidang baharu,” katanya selepas Program TVET Bersama Timbalan Perdana Menteri di CENTEXS Sarawak, Petra Jaya, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar; Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Datuk Julaihi Narawi serta Pengerusi CENTEXS, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Kebangsaan berkata, beliau kagum dengan CENTEXS apabila kursus ditawarkan menepati permintaan guna tenaga berteknologi tinggi.

Usaha CENTEXS itu katanya, meletakkan Sarawak berada di garisan paling hadapan dalam penyediaan kursus serta latihan berkemahiran tinggi.

“Justeru, saya mencadangkan agar kursus bagi melahirkan guna tenaga dalam pembuatan robotik juga dapat disediakan selain kursus dalam bidang baharu yang menuju ke arah komunikasi berteknologi canggih” katanya.

